



TRIBUNAL BAGI ANTIBULI
JABATAN PERDANA MENTERI
ARAS 2, ASIAN INTERNATIONAL ARBITRATION CENTRE
BANGUNAN SULAIMAN
JALAN SULTAN HISHAMUDDIN
50000 KUALA LUMPUR

Tel : 03 – 2271 1100

Laman Web: tab.bheuu.gov.my

Ruj. Kami : TAB-100-22/1/1 (60)

Kepada:

Pihak Berkuasa Institusi Yang Berkenaan

Tuan/Puan,

**SURAT IRINGAN BAGI PENGEMUKAAN LAMPIRAN A UNTUK PENGESAHAN
PENGURUSAN ADUAN BULI OLEH INSTITUSI PENDIDIKAN ATAU INSTITUSI**

Dengan hormatnya kami merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman tuan/puan, **Lampiran A** yang dikemukakan oleh pengadu kepada pihak tuan/puan adalah bertujuan untuk mendapatkan pengesahan berhubung dengan penerimaan dan status pengurusan aduan buli oleh pihak tuan/puan sebelum aduan tersebut dapat diteruskan melalui portal TAB.
3. Sehubungan dengan itu, pihak tuan/puan adalah dipohon untuk melengkapkan bahagian yang berkenaan dalam **Lampiran A** berdasarkan rekod rasmi institusi. Lampiran tersebut hendaklah ditandatangani oleh Pengetua/Guru Besar/Ketua Institusi atau mana-mana pegawai Jawatankuasa Pencegahan dan Pengurusan Kes Buli (JPPKB) yang diberi kuasa dan dicop dengan cop rasmi institusi.


4. **Lampiran A** yang telah lengkap hendaklah dikembalikan kepada pengadu untuk dimuat naik semula ke portal TAB bagi tujuan melengkapkan proses pemfailan aduan. Pihak tuan/puan tidak perlu mengemukakan **Lampiran A** secara berasingan kepada TAB melainkan diminta berbuat demikian.
5. Untuk mengelakkan keraguan, surat iringan dan **Lampiran A** ini tidak bermaksud bahawa TAB telah membuat apa-apa keputusan berhubung dengan aduan tersebut. Dokumen ini hanya digunakan bagi tujuan mendapatkan pengesahan institusi sebagai sebahagian daripada proses pemfailan aduan melalui portal TAB.
6. Sekiranya pihak tuan/puan memerlukan pengesahan lanjut mengenai ketulenan surat ini atau tatacara melengkapkan **Lampiran A**, pihak tuan/puan boleh menghubungi Urus Setia TAB melalui talian **03 – 2271 1100** atau emel tab@bheuu.gov.my.
7. Kerjasama dan perhatian pihak tuan/puan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(SITI NAZATUL IZURA BINTI MOHAMED ISHAK)
SETIAUSAHA
TRIBUNAL BAGI ANTIBULI
JABATAN PERDANA MENTERI

**PENCEGAHAN PENGURUSAN ADUAN BULI OLEH JAWATANKUASA
PENCEGAHAN DAN PENGURUSAN KES BULI (JPPKB)**

[Seksyen 31(2) Akta Antibuli 2026]

A. MAKLUMAT INSTITUSI PENDIDIKAN

Nama Institusi Pendidikan :
Alamat :
No. Telefon :

B. MAKLUMAT PENGADU

Nama Pengadu :
Nama Mangsa :
Nama Responden :

(Bahagian selepas ini diisi oleh JPPKB institusi pendidikan/institusi)

C. PENGESAHAN OLEH JPPKB

Tarikh Aduan diterima oleh institusi :
No. Rujukan Aduan Sekolah :

Dengan ini Jawatankuasa Pencegahan dan Pengurusan Kes Buli (JPPKB)
mengesahkan bahawa:

- (a) Tindakan belum dimulakan kerana aduan belum diterima ☐
- (b) Tiada tindakan diambil ☐
- (c) Tindakan sedang dilaksanakan ☐
- (d) JPPKB telah membuat dapatan dan syor berhubung aduan ini ☐

D. RINGKASAN DAPATAN DAN SYOR JPPKB (Jika pilihan (d) di atas adalah berkaitan)

Rumusan dapatan JPPKB :

Syor atau tindakan yang telah diputuskan :

E. PEGAWAI JPPKB YANG BOLEH DIHUBUNGI OLEH TRIBUNAL

Nama :

Jawatan :

No. Telefon :

E-mel :

PENGESAHAN (Pengesahan oleh Pengetua/mana-mana Pegawai di dalam JPPKB yang diberikan kuasa)

Saya mengesahkan bahawa maklumat di atas adalah benar berdasarkan rekod rasmi institusi pendidikan.

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Cop Rasmi Institusi Pendidikan